

11/09/1999

Mengubah pandangan buruk pelajar

MENARA gading sebagai gedung menimba ilmu tidak dapat lari daripada dihubungkan dengan kegiatan aktivis pelajar. Sebagai insan berdarah muda, siswa dan siswa di setiap institusi pengajian tinggi (IPT) sukar disekat bersuara lantang memperkatakan apa yang mereka rasa perlu diperjuangkan. Dari isu sosial hinggalah kepada politik, mereka akan menentangkannya bagi mendapat perhatian pentadbir institusi pengajian tinggi (IPT), kerajaan, parti pembangkang mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO), demi menuntut perubahan.

Sejak negara merdeka dan bercambahnya IPT tempatan, apa juga isu yang dibicarakan golongan mahasiswa tidak mudah diketepikan begitu sahaja. Sebagai barisan pelapis negara dan intelektual muda, pandangan kritikal mereka setiasa diambil kira dan mendapat tempat di hati masyarakat. Kita melihat fungsi IPT bukan sahaja sebagai tempat formal akademik tetapi mempertajamkan daya berfikir serta melatih pelajar menjadi manusia serba-boleh.

Lantaran itu, walaupun ada Akta Universiti dan Kolej, pelajar tetap bebas melahirkan pandangan mereka. Malah dalam kegawatan politik sejak kebelakangan ini, tidak langsung peruntukan dalam akta itu digunakan untuk menyekat hak pelajar bercakap mengenai politik. Tidak seperti dekad lalu, kerajaan hari ini lebih bersikap terbuka. Tidak keterlaluan jika dikatakan ada universiti dijadikan tempat untuk mereka bergiat aktif dalam politik.

Selain pemimpin parti yang menentang kerajaan dibenarkan keluar masuk bercakap mengenai politik, siswa-siswi juga diberi ruang mendengarnya. Harapan kita, dengan cara ini pelajar lebih rasional dan tidak terbelanggu pemikiran terhadap persekitaran yang berlaku.

Namun, kerajaan sedar kebebasan keterlaluan boleh menyebabkan matlamat sesebuah menara gading itu akan menyimpang sehingga pelajarnya mengambil ringan soal akademik. Lebih membimbangkan kita institusi ini dipergunakan oleh golongan anti establishment untuk menabur pelbagai fitnah, memaki, kecam, umpat, hentam, cela dan fitnah. Kita khuatir benih-benih ini diselerak-semaikan dan tumbuh bercambah sehinggakan warga kampus mempunyai tanggapan bahawa segala yang dilakukan oleh kerajaan adalah salah.

Kita percaya jika mahu menangkis segala tohmahan pembangkang yang ditayang-sebar luas di IPT, dengan kuasa yang ada, kerajaan boleh mengambil tindakan sangat drastik. Pemimpin pelajar dan mereka yang cenderung kepada pembangkang boleh ditangkap, dikenakan tindakan termasuk dipecat daripada universiti. Forum terbuka boleh disekat dan mereka yang cuba mempengaruhi pemikiran pelajar dengan dakwah antikerajaan termasuk pensyarah didakwa atas tuduhan menghasut.

Tetapi sebagai negara yang mengamalkan demokrasi dan bebas bersuara, ia tidak dilakukan. Malah kerajaan percaya, langkah itu hanya akan mengundang suasana mengongkong, tidak harmonis dalam kampus seterusnya mengganggu anak muda kita menumpukan perhatian kepada pelajaran. Adalah satu yang tidak bijaksana malah merugikan bagi kerajaan selepas membina IPT, membayar gaji pensyarah, bersusah payah mengadakan segala kemudahan untuk pelajar dan diberi biasiswa, suasana di kampus menjadi kaku atau huru-hara seperti yang pernah berlaku di negara jiran kita.

Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan mengutamakan kesejahteraan di IPT, kerajaan mengambil pendekatan terbaik iaitu hanya memberi penjelasan kepada pelajar kita. Lagipun, sejak Barisan Nasional memerintah, pelajar tidak pernah dilihat sebagai penentang sebaliknya mendukung kuat segala

yang diimpikan kerajaan untuk memastikan anak bangsa mendapat pendidikan akademik sebaik mungkin. Umpama 'menatang minyak yang penuh' mereka diberi secukupnya dan tidak diganggu konsentrasi pembelajaran.

Justeru, selama ini sikap pemimpin politik menjauhkan diri dengan warga kampus - bukan kerana takut menghadapi realiti politik tetapi tidak mahu tumpuan pelajar terjejas. Malangnya situasi ini disambar oleh pemimpin pembangkang. Sehubungan itu, kita yakin penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pelajar 13 IPT di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kelmarin akan menjadi titik-tolak kepada pelajar mengubah pandangan buruk mereka terhadap kerajaan selama ini.

Sebagai anak bangsa yang mana rakyat semua bergantung harap, kira yakin pelajar menerima baik penjelasan Perdana Menteri itu dan akur tanggungjawab mereka serta tidak mudah "digula-gulakan" pembangkang. Semua ini dilakukan demi masa depan diri mereka agar impian negara dan keluarga tidak berkecai.

(END)